

16/09/1998

Rahim Ghouse patut letak jawatan: Shariff

GEORGETOWN, Selasa - Ketua Pemuda Umno Pulau Pinang, Dr Abdul Rahim Ghouse, wajar meletak jawatan kerana bertindak bertentangan dengan keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Pemangku Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Mohd Shariff Omar, berkata tindakan Abdul Rahim menunjukkan sikap individu yang tidak berpendirian.

Malah, katanya, tindakannya berbeza dengan keputusan mesyuarat pergerakan itu yang menyokong Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan keputusan MT memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada semua jawatannya dalam kerajaan dan parti.

"Jika dia tidak mahu menerima keputusan MT, lebih baik undur diri," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Seminar Keluarga Bahagia di Dewan Sri Pinang di sini, hari ini.

Beliau yang juga Timbalan Ketua Menteri diminta mengulas gesaan ahli pergerakan berkenaan supaya Rahim melepaskan jawatannya kerana menyokong gerakan reformasi yang diterajui Anwar.

Mohd Shariff turut setuju dengan saranan Dr Mahathir supaya Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi meletak jawatan.

"Keputusan parti tidak setuju, tetapi jawatan parti masih nak pegang. Itu sikap yang tidak adil dan tidak baik," katanya.

Sementara itu, Mohd Shariff berkata pihaknya sedang mengumpul maklumat terperinci mengenai pendirian pemimpin Umno di peringkat negeri sebelum mengemukakan laporan kepada MT.

(END)